

**TRANSISI KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT
MELAYU BRUNEI
DI PANTAI BARAT BORNEO UTARA, 1881-1963
*TRANSITION OF ECONOMIC ACTIVITY OF THE MALAY
BRUNEI COMMUNITY ON THE WEST COAST OF NORTH
BORNEO, 1881-1963***

DG. JUNAIDAH BINTI AWANG JAMBOL
BASZLEY BEE BIN BASRAH BEE

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

Corresponding author: dgjunaidah@ums.edu.my

Tarikh dihantar: 18/3/2021 / Tarikh diterima: 1/12/2021 / Tarikh Terbit: 22/12/2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v28i1.4194>

ABSTRAK Makalah ini membincangkan perubahan kegiatan ekonomi yang dialami oleh masyarakat Melayu Brunei dengan tamatnya pemerintahan Kesultanan Brunei di kawasan pantai barat Borneo Utara dari tahun 1881 sehinggalah tahun 1963. Dalam konteks kajian ini, perubahan penglibatan masyarakat Melayu Brunei dalam kegiatan ekonomi khususnya daripada berorientasikan tradisional kepada bentuk ekonomi kapitalisme akan menjadi fokus utama perbincangan di bawah pentadbiran British North Borneo (Chartered) Company (BNBC), Jepun dan Kolonial British. Perubahan dari sudut ekonomi dibahaskan bagi memahami ajukan masyarakat Melayu Brunei yang wujud sebagai sebuah entiti masyarakat berbeza daripada masyarakat Melayu di negara Brunei Darussalam.

Kata kunci: BNBC, Melayu Brunei, pantai barat Borneo Utara, transisi ekonomi, kapitalisme.

ABSTRACT *This paper discusses the changes in economic activity experienced by Brunei Malay community after the end of the reign of the Sultanate of Brunei over the West Coast of North Borneo from 1881 until 1963. The study will focusing on the changes that occurs in the Brunei Malays' as they became involved in economic activities; especially the changes from traditional to capitalism-oriented economy within the period under the British North Borneo (Chartered) Company (BNBC), Japan and the British Colonial administration. This economic change will be studied in order to understand*

the challanges faced by the Brunei Malay community that exists as an entity distinct from the Malay community in Brunei Darussalam.

Keywords: *BNBC, Brunei Malay, North Borneo west coast, the economic transition, capitalism.*

PENGENALAN

Secara umumnya, kawasan utara Borneo merupakan sebuah wilayah yang strategik dari segi geografi dan kaya dengan kepelbagaian sumber alam semula jadi. Wilayah ini merupakan sebuah kawasan memiliki tanah yang sangat subur, sesuai untuk aktiviti pertanian di samping kaya dengan sumber hutan dan laut. Kekayaan sumber semula jadi telah menjadi tarikan kepada negara-negara kolonial dari Eropah. Kesultanan Brunei merupakan kerajaan yang menguasai dan berpengaruh di kawasan barat dan timur laut pulau ini. Manakala kesultanan Sulu pula hanya sebagai penguasa *de facto* di sebelah pantai timur utara Borneo. Walaupun demikian, kesultanan Sulu secara berterusan menuntut hak *de jure* dari Kesultanan Brunei bagi kawasan tersebut khususnya sejak tamatnya Perang Saudara Brunei pada tahun 1673.

Kedua-dua kesultanan ini tidak dapat mengekalkan kekuasaan dan pengaruh mereka apabila British dan Sepanyol memeterai beberapa perjanjian pajakan yang akhirnya membawa kepada Protokol Madrid pada tahun 1885. Melalui perjanjian tersebut, pihak British North Borneo (Chartered) Company (BNBC) telah mendapat hak mutlak untuk memiliki sepenuhnya wilayah utara Borneo yang kemudiannya dikenali sebagai Borneo Utara. Perjanjian ini adalah untuk mengesahkan perjanjian penyerahan wilayah ini sebelum yang telah diperoleh dari Kesultanan Brunei pada tahun 1877 dan beberapa siri perjanjian individu dengan pemilik *Sungai Tulin* dan *Sungai Kuripan*. Begitu juga mengenai “hak pemilikan” ke atas utara Borneo yang sekian lama dituntut oleh Kesultanan Sulu dari Kesultanan Brunei diserahkan kepada BNBC untuk selama-lamanya melalui perjanjian tunggal tahun 1878 (Tarling, 1971:3-5; Awang Asbol, 2002; Singh, 2003:257; Dg. Junaidah & Baszley, 2021:125-152).

Melalui pentabiran BNBC, masyarakat Melayu Brunei secara langsung telah mengalami proses transisi dalam aspek ekonomi yang didasari oleh mekanisme ekonomi Barat. Dalam konteks ini, masyarakat Melayu Brunei mahu tidak mahu terpaksa mengadaptasi ekonomi kapitalisme demi kelangsungan ekonomi mereka. Biarpun perubahan kegiatan ekonomi ini berlaku secara perlahan dan tidak drastik, tetapi perubahan tersebut menyebabkan masyarakat ini mulai ketinggalan dalam pencapaian kemajuan ekonomi berbanding dengan kaum lain seperti Dusun, Bajau dan Cina. Perubahan kegiatan ekonomi sara diri yang berorientasikan *barter* kepada ekonomi komersial adalah berikutan pengenalan sistem mata wang secara menyeluruh oleh BNBC dalam semua urusan perdagangan. Perkara ini akhirnya mendorong kepada penghapusan sistem *barter* yang selama ini diamalkan dalam kalangan masyarakat peribumi khususnya masyarakat Melayu Brunei. Keadaan ini secara tidak langsung telah menyebabkan pengaruh dan penguasaan masyarakat Melayu Brunei dalam aspek ekonomi di kawasan pantai barat Borneo Utara semakin merosot (Dg. Junaidah & Baszley, 2021:38-50).

PENDEKATAN DAN METODOLOGI

Makalah ini memberi tumpuan terhadap metodologi penyelidikan sejarah berasaskan kepada kaedah kajian arkib yang dilakukan di Arkib Negeri Sabah. Dalam kajian ini, sumber primer amat terbatas kerana kebanyakan daripada sumber yang diperoleh bersifat umum dan kenyataannya merangkumi keseluruhan masyarakat di Borneo Utara. Oleh yang demikian, amat sukar bagi pengkaji untuk mengenal pasti kedudukan masyarakat Melayu Brunei dalam laporan yang didokumentasikan oleh pihak BNBC dan kolonial British memandangkan masyarakat Melayu Brunei diletakkan dalam kelompok masyarakat minoriti dominan bersama-sama dengan kaum lain. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa dokumen yang telah digunakan oleh pengkaji untuk menyiapkan kajian ini seperti *North Borneo Gazette* dan *British North Borneo Herald (BNBH)*.

Melalui sumber sekunder pula, meskipun wujud kekangan dalam pengumpulan data, kebanyakan daripada sumber yang diperoleh banyak menentang mengenai kedudukan masyarakat Melayu Brunei di

kawasan pantai barat Borneo Utara. Oleh itu, bagi menguatkan lagi data sekunder ini, pengkaji menggunakan kaedah lisan dengan informan yang terlibat semasa zaman pemerintahan BNBC, pendudukan Jepun dan Kolonial British. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada individu yang terlibat secara langsung telah meninggal dunia dan pengalaman mereka tidak banyak didokumentasikan. Namun, dalam kalangan saksi proto yang terlibat secara tidak langsung sempat ditemu bual ialah Ampuan Mumin bin Ampuan Tuah, Pengiran Ahmad Fauzi bin Pengiran Abdul Rahim, Mohd Azman bin O.K.K Haji Awang Ali, Pengiran Yassin bin Pengiran Alli dan Tajuddin Bin Haji Matussin.

SOROTAN LITERATUR

Pentadbiran moden yang diperkenalkan oleh BNBC telah mewujudkan satu fasa baharu dalam politik pentadbiran Borneo Utara. Fasa ini menyaksikan masyarakat Melayu Brunei terpaksa bersaing dalam mendapatkan tempat bukan sahaja dalam politi-pentadbiran, malah juga dalam aspek ekonomi. Penubuhan institusi peribumi oleh pihak BNBC juga merupakan satu usaha pengenalan sistem pentadbiran moden. Justeru, perubahan yang dialami oleh masyarakat Melayu Brunei daripada corak pemerintahan tradisional kepada pentadbiran moden merupakan tunjang utama kepada berlakunya transisi ekonomi dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei. Tempoh peralihan ini juga merupakan zaman peralihan struktur dan orientasi masyarakat Melayu Brunei daripada aspek tradisional atau feodal ke moden.

Tregonning (1965 & 2007) dan Tarling (1971) telah menjelaskan bahawa perubahan yang dilakukan oleh BNBC dan kolonial British terhadap kegiatan ekonomi masyarakat peribumi di Borneo Utara telah membawa masyarakat Borneo ke satu fasa kehidupan yang lebih baik meskipun kadang kala ia dilihat bersifat “berkepentingan”. Tujuannya adalah untuk meraih sokongan kaum peribumi, menjimatkan kos pentadbiran dan memudahkan eksploitasi ekonomi ke atas Borneo Utara. Pengambilalihan Borneo Utara dan kawasan-kawasan naungan Brunei yang lain oleh pihak BNBC dan Brookes dilakukan melalui pemberian konsesi dan perjanjian yang akhirnya membawa kepada pemilikan sepenuhnya oleh pihak BNBC dan Brookes. Perubahan

ekonomi yang dilakukan oleh pihak BNBC dan kolonial British ini juga telah membawa kepada kewujudan sistem pentadbiran baharu berlandaskan polisi Barat.

Selain itu, Sabihah (1985), Singh (2003) dan Siti Aidah (2007) juga membincangkan bagaimana pihak BNBC berjaya merencanakan sebuah struktur pentadbiran yang mantap biarpun pada awalnya pentadbirannya dilihat agak perlahan dan tidak konsisten disebabkan oleh permasalahan dalaman yang melibatkan para pegawai British yang tidak mempercayai dengan kemampuan masyarakat peribumi. Walau bagaimanapun, selepas hampir 60 tahun mentadbir Borneo Utara, BNBC dilihat telah berjaya mengubah landskap dan corak politik-pentadbiran, ekonomi dan sosial masyarakat peribumi yang bersifat tradisional kepada berorientasikan Barat. Perubahan ini kemudiannya telah diteruskan oleh kuasa penjajah baharu iaitu Jepun dan Kolonial British yang turut sama mempunyai matlamat untuk menguasai ekonomi di Borneo Utara. Hakikatnya, perkembangan ekonomi di Borneo Utara sebenarnya bermula dari zaman pentadbiran BNBC melalui penstrukturan semula pentadbiran untuk membangunkan sosioekonomi Sabah. Hal ini secara tidak langsung telah memberikan pendedahan awal kepada masyarakat peribumi untuk memahami pembangunan infrastruktur dan pendidikan moden yang dibawa oleh pihak Barat.

Wong (2010) dan Evans (1990) menjelaskan tentang pengalaman dan keadaan masyarakat peribumi di Borneo Utara sewaktu Perang Dunia Kedua yang disifatkan sebagai tempoh bertahan untuk meneruskan kehidupan. Perubahan pentadbiran di Borneo Utara begitu dirasakan oleh penduduk memandangkan BNBC telah memerintah Borneo Utara selama 60 tahun dengan mewujudkan pelbagai pembangunan dan pemodenan terutamanya dalam sektor ekonomi. Justeru, apabila Jepun mengambil alih Borneo Utara, berlakunya kemusnahan harta benda secara besar-besaran akibat daripada perang. Keadaan inilah yang telah menyebabkan kewujudan kumpulan penentang Jepun yang dikenali sebagai kumpulan gerila. Kumpulan gerila yang paling bergiat aktif terletak di Sipitang yang diketuai oleh O.K.K Mohd. Yassin bin Hashim. Beliau berperanan penting dalam menjayakan misi-misi penentangan Jepun di Sipitang.

KEGIATAN EKONOMI TRADISIONAL MASYARAKAT MELAYU BRUNEI

Kegiatan ekonomi tradisional masyarakat Melayu Brunei lebih tertumpu kepada kegiatan perdagangan dan perikanan. Perkara ini berlaku kerana penempatan masyarakat Melayu Brunei lazimnya di kawasan berdekatan dengan pesisiran pantai dan sungai. Justeru, masyarakat Melayu Brunei memperoleh satu kelebihan dari segi kawasan geografi berbanding dengan masyarakat peribumi lain terutamanya dalam aktiviti perdagangan. Pola penempatan tradisional ini telah wujud lebih awal sebelum kewujudan institusi Kesultanan Brunei di Borneo Utara. Di kawasan pantai barat, pola sedemikian diwarisi oleh masyarakat Melayu Brunei yang mengekalkan bentuk kebudayaan asal mereka (*BNBH*, October 1, 1886; Osman, 1997:117). Keadaan ini secara tidak langsung telah membantu aktiviti perdagangan dan menjadikan mereka pendominasi utama aktiviti perdagangan di kawasan pantai barat. Aktiviti pertanian yang diusahakan oleh masyarakat Melayu Brunei hanya diamalkan sebagai aktiviti sampingan sahaja. Hal ini demikian kerana masyarakat Melayu Brunei pula hanya akan bercucuk tanam sekiranya keadaan begitu mendesak dan perkara inilah yang turut membezakan masyarakat Melayu Brunei di Borneo Utara dengan masyarakat Melayu Brunei di negara Brunei (Brown, 1970:68; Osman, 1997:119).

Lazimnya, aktiviti perdagangan terbentuk apabila golongan pelayar Brunei membawa barang dagangan sebagai tukaran untuk mendapatkan bekalan makanan atau keperluan lainnya dengan berhenti di suatu tempat untuk bertemu dengan masyarakat lain seperti Dusun, Murut, Bisaya dan Bajau. Walau bagaimanapun, proses pertukaran barangan ini tidak hanya terbatas untuk keperluan harian. Contohnya, pertukaran barang antara kaum Dusun dengan masyarakat Melayu Brunei turut melibatkan tanah dan gong tembaga. Pertukaran ini berlaku ekoran daripada perubahan penempatan kaum Dusun yang tidak berminat untuk tinggal bersama dengan masyarakat Melayu Brunei kerana perbezaan agama dan budaya. Terdapat juga beberapa insiden persengketaan bersenjata antara kedua kaum ini dalam penyelesaian perebutan tanah. Contohnya, Kawasan Kampung Benoni dan Bongawan yang telah diambil alih oleh masyarakat Melayu Brunei daripada masyarakat Dusun (Ampuan Mumin, 2010; Dg. Junaidah & Baszley, 2021:40).

Masyarakat Melayu Brunei secara tradisi memandang tinggi golongan peniaga. Aktiviti perdagangan oleh mereka akhirnya membentuk satu senario baharu dengan wujudnya sempadan Borneo Utara, Sarawak dan Brunei. selepas tahun 1888 (Richard, 1968: 54; Brown, 1970:68). Di kawasan pantai barat, khususnya golongan bangsawan bergiat aktif dalam menjalankan aktiviti perdagangan. Perahu layar pelbagai saiz digunakan untuk pengangkutan dan kargo. Terdapat masyarakat Melayu Brunei yang tinggal di Teluk Kimanis dan Bongawan yang terlibat dalam pembuatan perahu sedemikian. Kemahiran, ketelitian dan kehalusan seni ukir pembuatan perahu ini bersandarkan kepada ciri keetnikan yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Peniaga bangsawan lebih banyak mengaut keuntungan berbanding dengan masyarakat bawahan. Hal ini demikian kerana mereka memiliki modal dan perahu yang lebih besar. Melalui aktiviti perdagangan ini juga mereka bukan sahaja akan dapat menjalinkan hubungan yang rapat dengan penduduk tempatan seperti Dusun, Bisaya, Murut dan Bajau tetapi juga dapat mewujudkan aktiviti tamu yang kekal sehingga hari ini. Aktiviti tamu yang wujud ini secara tidak langsung telah merapatkan lagi hubungan interaksi masyarakat Melayu Brunei dengan kaum-kaum lain (Tarling, 1971:78; Heiko & Suraini, 1999:67).

Selain itu, masyarakat Melayu Brunei juga menjalankan aktiviti pertanian yang bercorak sara diri. Mereka menjalankan penanaman padi, ubi suyut, ubi gadung, ubi kayu, tebu, kelapa di samping mengambil rumbia, rotan dan damar. Tanah pamah di kawasan pantai barat Borneo Utara amat sesuai untuk aktiviti pertanian. Hal ini demikian kerana sungai yang mengalir di kawasan tanah pamah tersebut mempunyai bahan mineral untuk menyuburkan tanah. Tanah yang datar, pengaruh hujan monsun dan banjir telah membawa kelodak yang menyuburkan tanah untuk aktiviti pertanian. Oleh yang demikian, maka tidak hairanlah kawasan pantai barat menjadi pengeluar terbesar hasil pertanian dan keluaran hutan di Borneo Utara. Dalam hal ini juga masyarakat Melayu Brunei telah menggunakan kelebihan tersebut untuk menanam padi bagi memenuhi keperluan diri dan keluarga mereka. Antara kawasan yang menjadi tempat utama pengeluaran padi ialah kawasan Daerah Papar dan Penampang. Lazimnya, apabila terdapat lebihan pengeluaran setiap tahun, maka mereka akan menjual sedikit hasil tanaman mereka untuk memenuhi permintaan para nelayan yang tinggal di kawasan tepi pantai khususnya masyarakat dari negara Brunei dan Labuan (Awang Asbol, 2002:82; Singh, 2003:62-63).

Masyarakat Melayu Brunei turut terkenal dengan aktiviti perikanan yang sinonim dengan dengan aktiviti perikanan. Segala bentuk aktiviti ini dijalankan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan makanan keluarga tetapi juga untuk memperoleh keperluan harian. Namun begitu, proses sistem tukar barang hanya akan dijalankan sekiranya wujud lebih tangkapan ikan. Dari sudut tradisinya, kegiatan menangkap ikan oleh masyarakat ini menggunakan peralatan seperti *bintur* (jaring), *rambat* (jala), *jaul*, *rawai*, *ambor* (koyan), *pukat*, *selambau* (pukat tangguk), *tugu* (jermal), *jumpong* atau *gubang* (perahu). Masyarakat yang tinggal di sekitar kawasan Bongawan, Binsulok, Kampung Laut Papar, Kimanis (Daerah Papar) dan Putatan (Daerah Penampang) bergiat aktif dalam kegiatan penangkapan ikan di pesisir pantai dan laut. Hasil tangkapan basah dan kering diniagakan di tamu atau pasar ikan di pekan-pekan yang terdekat untuk ditukarkan dengan barang-barang keperluan lain. Di Putatan contohnya, sungai yang merupakan nadi utama medium perhubungan kepada interaksi masyarakat Melayu Brunei, Bajau dan Dusun untuk melakukan perdagangan di tamu (*BNBH*, July 7, 1922; Dg. Junaidah & Baszley, 2021:41-43).

AKTIVITI PERDAGANGAN BARAT

Penglibatan pedagang Eropah dan Hong Kong dalam aktiviti perdagangan telah memberikan saingan hebat kepada para pedagang Melayu Brunei. Mereka dengan modal yang lebih banyak disokong oleh kapal wap seperti *Borneo*, *Hong Ann*, *Banda*, *Thales* dan *Royallist* menyebabkan para pedagang Melayu Brunei tempatan tidak dapat bersaing di laluan antara pelabuhan utama seperti Labuan, Jesselton dan Kudat. Jika ada penglibatan masyarakat Melayu Brunei pun hanya sebagai pedagang kecil yang terhad berdagang menggunakan sungai tertentu sahaja yang lebih bercorak sara diri (*BNBH*, July 1, 1883).

Selain itu, pihak BNBC juga turut mengekalkan aktiviti tamu dalam kalangan masyarakat peribumi kerana menyedari potensi dan kepentingan kegiatan tamu akan dapat mempermudah lagi pengeksploitasian kegiatan perdagangan dalam negeri. Impaknya, lebih banyak tamu telah wujud di kawasan pantai barat Borneo Utara. Pengenal Tamu Besar tahunan seperti yang terdapat Daerah Papar yang terletak di Kampung Buang Sayang

berhampiran dengan sungai Pekan Papar. Konsep tamu sedemikian turut diperkenalkan di tempat lain. Antara barangan yang lazim dijual ialah nanas, sayur-sayuran, ubi kayu, buah-buahan tempatan, kraf tangan, gong dan lain-lain lagi (Pengiran Fauzi, 2011).

Sewaktu zaman pendudukan Jepun di Borneo Utara, dasar pengumpulan makanan telah dilaksanakan dalam pentadbiran Jepun sehingga menyebabkan masyarakat peribumi khususnya masyarakat Melayu Brunei tidak mampu untuk membeli dan berniaga adalah tidak selamat. Kesusahan untuk mendapatkan wang dan makanan telah menyebabkan para pedagang sering tolong-menolong dengan menjual barang dagangan dengan harga yang lebih murah (Ampuan Mumin, 2010).

Pada ketika itu, aktiviti bertukar barang dan perdagangan tidak dapat dijalankan secara terbuka untuk mengelakkan barangan mereka dirampas oleh pihak Jepun. Misalnya, di Sungai Padas, Beaufort, penduduknya menjalankan perniagaan pasar gelap untuk memperoleh harga barangan yang lebih murah. Lazimnya, harga barang-barang yang dijual secara sembunyi ini adalah lebih murah berbanding dengan harga pasaran yang ditetapkan oleh pentadbiran Jepun. Contohnya, beras yang dijual di pasaran berharga 54 sen segantang, manakala harga beras di pasaran gelap dijual dengan harga 20 sen segantang. Begitu juga harga 600 gram gula, garam dan ikan semasa pendudukan Jepun ialah 35 sen serta daging ialah \$1. Sepanjang pendudukan Jepun, aktiviti tamu tidak wujud sehinggalah bulan September 1945 selepas Jepun menyerah kalah kepada pihak Beikat (Evans, 1990:45-46; Siti Aidah, 2007:115 & Pengiran Ahmad, 2010).

Selepas pemerintahan Jepun di Borneo Utara tamat, pihak kolonial British telah memperluaskan lagi aktiviti tamu sewaktu pemerintahan kolonial British. Aktiviti Tamu Besar telah diperluaskan di setiap daerah dengan kerjasama Jabatan Pertanian. Pameran hasil pertanian seperti padi, beras sayur-sayuran, buah-buahan, hasil kraf tangan dan lain-lain lagi akan dipamerkan di tamu tersebut oleh Jabatan Pertanian bagi menarik minat pengunjung untuk datang ke tamu berkenaan. Tamu juga digunakan oleh pegawai pertanian bukan sahaja untuk memberikan tunjuk ajar dan nasihat kepada penduduk supaya menggiatkan lagi usaha penghasilan tanaman mereka

tetapi juga membantu penduduk untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti tanaman mereka (*British North Borneo News*, May 8, 1952).

Lazimnya, Hari Ibu Bapa akan turut diadakan di Tamu Besar bagi meraikan para murid dan ibu bapa. Terdapat juga daerah yang mengadakan pesta berkaitan dengan kesenian dan kebudayaan yang dikenali sebagai Pesta Anak Negeri. Kewujudan Pesta Anak Negeri ini secara tidak langsung telah memeriahkan lagi aktiviti di tamu besar. Selain dari mempamerkan hasil pertanian, para penduduk di sesebuah daerah juga berpeluang menyertai aktiviti sukan dan kebudayaan yang diadakan pada waktu malam. Kesannya, tamu bukan sahaja telah menjadi tempat penduduk setempat bertemu tetapi juga dapat memberikan peluang kepada masyarakat peribumi lain melihat kemajuan yang dicapai oleh sesebuah daerah. Aktiviti lain seperti penubuhan kelab sukan dan persatuan kebudayaan juga dapat dikembangkan melalui aktiviti tamu (*Sabah Times*, 22 Mei 1952; Siti Aidah, 2007:134).

Pada tahun 1950-an juga tamu boleh dilihat diadakan setiap hari di Jesselton. Di Pekan Inanam, Manggatal dan Tuaran, aktiviti tamu diadakan sekali dalam sepuluh hari sahaja. Di tamu inilah penduduk Dusun dari Ranau berniaga buah-buahan tempatan seperti durian, *belunu*, *bambangan*, tembakau dan hasil-hasil hutan seperti rotan serta damar. Masyarakat Melayu Brunei dan Bajau pula akan berniaga membawa belacan, ikan basah, ikan kering dan ikan bilis untuk dijual atau ditukarkan dengan barangan lain yang diniagakan oleh para pedagang lain (*British North Borneo News*, 8 Mei 1952).

Seperti mana suasana tamu yang digambarkan oleh seorang wartawan dan sasterawan Sabah kelahiran Pasir Mas, Kelantan di Pekan Papar pada tahun 1950-an, pada ketika itu, tamu telah dibina di kawasan tanah rendah berdekatan dengan Sungai Papar. Di kawasan tersebut juga telah dibina satu deretan kedai yang panjang dengan berpuluh-puluh pintu untuk memudahkan penjual menjual pelbagai jenis makanan. Di samping itu, turut didirikan beberapa buah bangsal besar untuk penjualan kain dan lain-lain lagi. Pada waktu itu juga, beribu-ribu orang dari pelbagai daerah telah mengunjungi pekan tersebut untuk berniaga dan membeli barangan. Hari tamu Papar hanya diadakan seminggu sekali, iaitu setiap hari Ahad dan lazimnya orang yang datang ke tamu berkenaan bukan sahaja terdiri daripada masyarakat tempatan

tetapi juga masyarakat yang tinggal di sekitar kawasan pantai barat. Walau bagaimanapun, keadaan ini amat berbeza dengan situasi tamu di Kinarut kerana kebanyakan pengunjung dan peniagaanya terdiri daripada masyarakat Dusun dan Bajau. Hanya sebilangan kecil sahaja masyarakat Melayu Brunei yang berniaga di tamu tersebut. Tamu di Kinarut lebih terkenal dengan perjudian sabung ayam berbanding dengan aktiviti perniagaan. Dianggarkan seramai 70 hingga 80 orang datang ke tamu berkenaan dan kebanyakan pengunjungnya hanya datang untuk melihat atau mengikuti pertarungan sabung ayam tersebut (Bali, 1992: 49-52).

PERKEMBANGAN SEKTOR PERTANIAN KOMERSIAL

Dalam sektor pertanian pula, masyarakat Melayu Brunei mula terlibat secara aktif dalam aktiviti penanaman padi semasa BNBC mentadbir kawasan pantai barat Borneo Utara. Secara lazimnya, masyarakat Melayu Brunei menjalankan aktiviti pertanian sebagai aktiviti sampingan sahaja iaitu apabila tibanya angin monsun timur laut yang bertiup dari bulan November hingga bulan Mac yang membawa musim tengkujuh. Namun begitu, keadaan ini mulai berubah apabila berlakunya migrasi penempatan masyarakat Dusun jauh ke bahagian hulu sungai dan masyarakat Melayu Brunei pula menetap di bahagian tanah datar berhampiran sungai yang lazimnya diduduki oleh masyarakat Dusun (Ampuan Mumin, 2010). Masyarakat Melayu Brunei di kawasan Papar antaranya Kampung Benoni, mula terlibat dalam aktiviti penanaman padi apabila Awang Dusi dilantik oleh pihak BNBC mentadbir kawasan tersebut (Pengiran Ahmad, 2011). Di kawasan Bongawan pula sebilangan besar penduduknya juga mengusahakan tanaman padi terutamanya di Kampung Laut, Kampung Tengah, Kampung Tarap, Kampung Giok, Kampung Darat Pauh, Kampung Serbang dan Kampung Biau. Kesemua kawasan ini pada asalnya diduduki oleh masyarakat Dusun sebelum diambil alih oleh masyarakat Melayu Brunei (Pengiran Yassin, 2010).

Kegiatan penanaman padi ini kemudiannya dikomersialkan oleh BNBC berikutan masalah kekurangan beras di Borneo Utara. Papar, Putatan dan Penampang pada ketika itu muncul sebagai kawasan pengeluar utama padi, susu getah, jelutong dan kelapa. Pada tahun 1878 dan tahun 1894, BNBC telah mengimport beras untuk memenuhi keperluan makanan yang

masih berkurangan. Bagi mengatasi masalah ini, banyak kawasan baharu di sekitar pantai barat telah dibuka untuk menanam padi. Pada tahun 1939, BNBC telah melalui pengaruh Ketua Anak Negeri (KAN) untuk mengambil alih tanah yang dimiliki oleh masyarakat peribumi. Kegiatan pengambilan tanah untuk aktiviti penanaman padi telah berjaya menaikkan hasil keluaran padi pada tahun tersebut iaitu sebanyak 257, 268 tan dengan pertambahan keluasan penanaman padi sebanyak 41, 242 ekar (Singh, 2003:62-63; Osman, 1997:138-139 & Tregoning, 2007:94-95). Hasil keluaran padi dari kawasan Putatan dan Penampang pula adalah dari jenis padi yang terbaik di seluruh Borneo Utara. Hal ini terbukti apabila harga padi kawasan tersebut adalah paling mahal berbanding dengan harga padi dari kawasan lain iaitu sebanyak \$0.40 sepikul. Pada tahun 1932 sehingga tahun 1933, sebanyak 7, 536 ekar tanah di Putatan telah ditanami dengan padi sawah dengan hasil keluaran sebanyak 2, 260,800 segantang. Hasil pengeluaran padi yang semakin meningkat tersebut, maka tidak hairanlah sekiranya penanaman padi ini berterusan digalakkan secara meluas di kawasan pantai barat oleh pihak BNBC (*BNBH*, 1932 & 1933).

Semasa pendudukan Jepun, kegiatan penanaman padi diteruskan. Pentadbiran Jepun Borneo Utara telah memperkenalkan benih padi dari Taiwan dan membuka lebih banyak tanah sawah baharu serta menggalakkan penanaman padi dua kali setahun. Usaha meningkatkan pengeluaran padi tidak berjaya kerana kapal kargo yang menghantar keperluan pertanian diserang oleh pihak Bersekutu. Pengeluaran padi mengalami kemerosotan dan tidak mencukupi untuk menampung keperluan penduduknya. Akibatnya, masyarakat Melayu Brunei di kawasan pantai barat terpaksa bergantung kepada tanaman lain seperti jagung, pisang, ubi kayu, keledak dan keladi. Terdapat pelbagai usaha yang dijalankan oleh pihak Jepun bagi mengatasi masalah kekurangan padi di Borneo Utara antaranya ialah mewujudkan catuan dalam pembelian beras iaitu setiap keluarga hanya dihadkan untuk memiliki dua gantang beras sebulan. Pembelian beras mesti menggunakan kupon yang diperoleh daripada Pejabat Kawalan Makanan. Catuan dalam pembelian beras ini tidak dapat mengatasi masalah kekurangan bekalannya dan membawa kepada kebuluran (Mazlan, 1978:90).

Selain itu, kebanyakan masyarakat Melayu Brunei juga terpaksa menjual hasil padi mereka dengan harga yang murah kepada pihak Jepun ataupun dirampas. Pada waktu itu, kadar inflasi meningkat akibat daripada nilai mata Dollar Jepun terlalu rendah kerana pengeluarannya yang tidak dikawal. Harga barangan dan makanan melonjak naik sehingga menyebabkan masyarakat di Borneo Utara mencari alternatif lain untuk mendapatkan atau mengeluarkan keperluan harian seperti garam dan tekstil. Contohnya, masyarakat Melayu Brunei menggunakan gobek menggantikan mancis, memproses air laut untuk menghasilkan garam dan membuat baju daripada kulit kayu dan guni. Di samping itu, wabak penyakit seperti akibat kekurangan zat makanan, malaria dan taun meningkat dengan mendadak (Awang Sahari, 2006:43).

Seawal tahun 1943, pihak Jepun telah menubuhkan sebuah firma padi di Jesselton bagi membantu mengendalikan hasil pengeluaran beras di Borneo Utara. Pada peringkat awal, firma ini berperanan mengumpulkan bekalan padi yang diperoleh daripada para petani. Padi yang berkualiti hanya akan dijual sekiranya terdapat pembeli yang menawarkan harga yang tinggi. Pihak Jepun telah melantik dalam kalangan masyarakat tempatan sebagai kerani dan penjaga stor. Terdapat beberapa kes yang melibatkan penjaga stor mengeluarkan bekalan padi secara sembunyi dan menjualnya kembali kepada pihak Jepun. Penubuhan firma ini tidak mampu untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan beras di Borneo Utara (Evans, 1990:45).

Selepas pihak Bersekutu berjaya mengalahkan Jepun di Borneo Utara, usaha membangunkan semula ekonomi Borneo Utara telah dilakukan. Antaranya, mengutamakan pertumbuhan dan peningkatan hasil pertanian. Pihak Kolonial British telah membuka seluas 46,000 ekar tanah atau 60 peratus kawasan pantai barat dengan tanaman padi. Pada zaman tersebut juga dianggarkan seramai 78,000 orang masyarakat peribumi termasuklah masyarakat Melayu Brunei terlibat dalam kegiatan penanaman padi di Borneo Utara. Di kawasan Penampang dan Putatan contohnya, sekitar 7,400 ekar tanah telah ditanami dengan padi sawah, manakala dianggarkan sekitar 30,000 ekar tanah untuk penanaman padi bukit di sekitar kawasan Kota Belud dan Ranau (*North Borneo Government Gazette*, 1951:13).

Lazimnya, padi yang ditanam setahun sekali secara kaedah tradisional (Taib, 5 April 2010). Mesin pemprosesan padi hanya diperkenalkan di Papar dalam tahun 1960-an. Sebelumnya, pemprosesan padi dilakukan secara tradisional iaitu dengan cara menumbuk padi menggunakan lesung kayu. Lebihan hasil padi turut dijual kepada Konial British melalui gudang tempat pengumpulan padi yang diwujudkan (Pengiran Ahmad Fauzi, 2011).

PERKEMBANGAN SEKTOR PERLADANGAN

Selain daripada perubahan dalam aspek perdagangan dan penanaman padi, pihak BNBC turut memperkenalkan sektor perladangan khususnya penanaman getah. Sebelum kewujudan tanaman getah, hasil tanaman yang diusahakan oleh pihak BNBC ialah tembakau, kelapa dan kopi. Biji getah diimport ke Borneo Utara pada tahun 1882 (Ministry of Agriculture & Fisheries Sabah, 1978/1979:56). Walau bagaimanapun, penanaman secara pertanian ladang oleh BNBC hanya berlaku pada tahun 1900. Penglibatan para pelabur Eropah dalam perladangan getah telah menyebabkan lebih banyak kawasan tanaman getah dibuka dengan pengecualian cukai selama 50 tahun kepada semua syarikat yang melabur untuk aktiviti ini. Tujuan utama tanaman getah ini diperkenalkan di Borneo Utara adalah untuk menjamin ekonomi BNBC dalam tempoh masa yang panjang ekoran kurangnya permintaan dari negara luar terhadap tanaman lain (*BNBH*, 1905:138). Di samping itu, kesesuaian iklim, penawaran buruh yang ramai dari luar dan kewujudan kemudahan kereta api untuk mengangkut getah dari ladang ke pelabuhan juga telah mendorong pihak BNBC membuka lebih banyak ladang penanaman getah.

Selain daripada orang Eropah dan Cina, terdapat juga sebilangan kecil pelabur peribumi yang turut menanam getah dalam bentuk kebun kecil, antaranya ialah masyarakat Melayu Brunei, Dusun, Kedayan, Murut, Bisaya dan Bajau. Namun begitu, hanya masyarakat Kedayan sahaja yang berjaya mengusahakan kebun getah dan mengeluarkan hasil yang menggalakkan (Osman, 1997:141 & Singh, 2003:242-243). Bagi masyarakat Melayu Brunei, biarpun kebanyakan mereka bekerja di ladang getah tetapi apabila tiba musim menanam dan menuai padi, mereka akan meninggalkan kerja-kerja di estet getah. Pada ketika itu, padi yang ditanam mengambil masa enam bulan untuk dituai dan enam bulan lagi digunakan oleh mereka untuk bekerja di estet getah

sebagai penoreh, pengangkut susu getah, pencabut rumput dan penebang pokok. Namun, tidak semua masyarakat Melayu Brunei bekerja di estet getah. Hal ini demikian kerana kegiatan ini hanya melibatkan mereka yang tinggal berhampiran dengan kawasan estet getah sahaja seperti di kawasan Papar, Membakut, Kimanis, Bongawan, Kinarut dan Putatan. Salah satu sebab pihak BNBC membuka kawasan penanaman getah berhampiran dengan kawasan kampung adalah untuk memudahkan lagi mereka memperoleh bekalan buruh tempatan (Ampuan Mumin, 2010).

Pada peringkat awal penanaman getah, tanaman ini hanya digalakkan kepada para pemodal asing dan pembukaan estet yang berskala besar sahaja. Keuntungan lumayan yang diperoleh daripada perusahaan getah ini kemudiannya telah menarik minat masyarakat Melayu Brunei dan penduduk peribumi lain untuk menanam getah di tanah mereka. Secara tidak langsung ia telah menyebabkan masyarakat Melayu Brunei mula melibatkan diri dalam ekonomi kolonial untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Namun begitu, bagi pihak BNBC pula, keadaan tersebut ternyata menimbulkan kebimbangan kerana penglibatan masyarakat peribumi secara meluas dalam penanaman getah dianggap sebagai pesaing yang boleh mengancam keuntungan estet. Oleh itu, pada tahun 1915 pihak BNBC telah menyediakan intensif kepada para pemodal asing untuk membuka lebih banyak ladang getah yang berskala besar (*BNBH*, 1935:16; Norhin, 1990:46). Keadaan ini sekali gus menyukarkan para pekebun kecil khususnya masyarakat Melayu Brunei untuk bersaing dengan pengusaha estet Eropah. Pengeksportan pertama getah hanya berlaku pada tahun 1915. Pada tahun tersebut juga pihak BNBC mula menikmati hasil daripada penanaman getah kerana banyak ladang getah telah mula menjalankan proses penorehan yang secara tidak langsung membawa kepada peningkatan jumlah eksport. Antara ladang-ladang getah yang mendatangkan hasil awal kepada pihak BNBC ialah ladang getah di Lok Kawi, Mawao, Kimanis dan Papar (*British North Borneo Annual Report*, 1914:31).

Melalui pembukaan estet getah di kawasan pantai barat, status pekerjaan sebahagian daripada masyarakat Melayu Brunei daripada bekerja sebagai nelayan dan petani berubah menjadi buruh estet. Contohnya, pembukaan kawasan penanaman getah di Bongawan yang terletak di Kampung Tarap dan Pekan Bongawan mampu menjana sumber pendapatan lumayan kepada

mereka. Hal ini menyebabkan mereka bertindak membuka kebun getah sendiri yang dianggarkan keluasannya 2 hingga 3 ekar. Biasanya, pokok getah akan ditoreh semasa penduduk kampung tidak bekerja di sawah. Bagi penduduk kampung yang bekerja sebagai petani, menoreh getah merupakan pekerjaan sampingan untuk mendapatkan dan menambahkan sumber kewangan mereka sahaja (Pengiran Yassin, 5 April 2010 & Norbaizah, 2005:50).

Penghijrahan masyarakat Melayu Brunei ke daerah lain juga dikaitkan dengan pembukaan estet getah. Contohnya, kebanyakan masyarakat Melayu Brunei awal yang menetap di Kota Marudu sebenarnya berasal dari Kimanis. Penghijrahan mereka ke Kota Marudu dan Kudat adalah disebabkan oleh pembukaan estet getah di Langkon. Penghijrahan tersebut diketuai oleh keluarga Tuan Haji Tahir dan anaknya O.K.K Osman bin Haji Tahir. Penghijrahan ini dilakukan di bawah usaha pihak BNBC. Mereka telah dibawa dengan menggunakan kapal wap sehingga sampai ke Pangkalan Langkon. Dari Pangkalan Langkon, mereka kemudiannya berjalan kaki sehingga sampai ke Pejabat Langkon Estet. Pada waktu itu, kebanyakan masyarakat Melayu Brunei yang bekerja di Langkon Estet membina penempatan tetap mereka di Kampung Ranau, Kota Marudu. Sewaktu pentadbiran BNBC juga Tuan Haji Tahir telah dilantik sebagai pemungut cukai kepala di Bandau, manakala anaknya pula iaitu O.K.K Osman bekerja sebagai penoreh getah di Langkon Estet dan selepas itu dilantik menjadi kerani besar di situ. O.K.K Osman pernah dipertanggungjawabkan oleh pihak British untuk menyelia pembina pemasangan wayar telefon di sepanjang jalan Langkon sehinggalah ke kawasan Bandau. Tidak lama kemudian, O.K.K Osman telah dilantik sebagai Ketua Daerah Bandau yang pertama dan selepas beliau meninggal dunia, tugas tersebut diserahkan pula kepada anaknya iaitu O.K.K Awang Ali bin O.K.K Osman (Mohd. Azman, 2010; Norlihan, 2011:108-109).

Walau bagaimanapun, kemelesetan ekonomi dunia pada awal tahun 1920-an telah menjejaskan kemajuan dan ekonomi di Borneo Utara. Pada waktu itu, jumlah pengeksportan getah mula merosot kerana harga getah mula tidak stabil yang mengalami turun naik sehingga mencecah harga serendah 20 sen untuk ½ lb. Keadaan tersebut telah menyebabkan hasil eksport getah menghadapi kesukaran untuk memperoleh keuntungan. Walau bagaimanapun, pada tahun 1934, Gabenor Jardine telah berusaha untuk memulihkan semula

ekonomi di Borneo Utara dengan memperkenalkan beberapa rancangan baharu bagi mengukuhkan semula ekonomi di Borneo Utara. Rancangan baharu ini merangkumi pengenalan skim pembatasan pengeluaran getah yang telah dikuatkuasakan pada tahun 1935 (*British North Borneo Annual Report Department of Agriculture, 1936*;2). Pengenalan skim ini secara tidak langsung telah menghadkan dan mengurangkan pengeluaran getah di kawasan pantai barat. Meskipun eksport getah di Borneo Utara secara keseluruhannya dapat ditingkatkan, tetapi jumlah eksportnya tidaklah sebanyak seperti mana sebelum tahun 1935 (*BNBH, 1935*).

Pada 20 April 1938, satu mesyuarat penting telah diadakan di Jesselton yang bertujuan untuk mencari resolusi bagi mengatasi masalah pengeluaran getah secara berlebihan di Borneo Utara. Dalam mesyuarat tersebut, para ahli mesyuarat telah bersetuju untuk menetapkan bahawa setiap pengeksport perlu memiliki lesen untuk mengeksport getah ke luar negara. Melalui resolusi ini, maka pengeluaran getah bukan sahaja dapat disekat tetapi juga kestabilan harga getah juga dapat dikawal. Pada tahun 1940, getah masih menjadi hasil keluaran penting di Borneo Utara memandangkan wujud permintaan yang tinggi dari pasaran Eropah khususnya dari London dan New York yang mengimport getah secara besar-besaran dari negara pengeluar bagi memenuhi stok penyimpanan getah di negara mereka (*BNBH, 1940: 79*).

Pada tahun 1941, kuota bagi pengeksportan getah tempatan telah diperketatkan lagi di pasaran antarabangsa sehingga menyebabkan pengeluaran getah di Borneo Utara mengalami kemerosotan (*Rubber Restriction Minutes of Central Control Committee Meeting Held at Jesselton, 4 Mac 1941*). Kemerosotan pengeluaran getah ini dibiarkan berterusan tanpa adanya sebarang usaha daripada pihak BNBC untuk menstabilkan semula harga getah dan memperbaiki pasaran eksport getah di Borneo Utara. Keadaan ini telah menyebabkan kadar upah menoreh getah yang diterima oleh masyarakat Melayu Brunei turun dengan mendadak iaitu daripada \$80 sebulan kepada \$40 sebulan sahaja (Pengiran Ahmad Fauzi, 2011). Keadaan ini berlanjutan semasa pendudukan Jepun. Banyak estet getah di kawasan pantai barat terpaksa ditutup ekoran daripada kemusnahan alat-alat memproses getah, sistem perhubungan dan infrastruktur. Keadaan tersebut secara tidak langsung telah menyebabkan pemungutan hasil getah menjadi terbengkalai

dan akhirnya memaksa pihak Jepun untuk menutup estet-estet getah yang tidak dapat diusahakan. Pada masa yang sama harga getah tidak dapat dipulihkan kerana pihak Barat memperkenalkan getah tiruan untuk menggantikan getah asli yang terputus bekalannya di pasaran antarabangsa. Getah tiruan ini kemudiannya telah menjadi pesaing utama kepada pengeluaran getah asli dan memberikan kesan terhadap negara pengeluar termasuklah Borneo Utara (Mazlan, 1978: 90; Zainal Abidin, 1996:235).

Penutupan operasi estet getah tidak menjejaskan kehidupan masyarakat Melayu Brunei. Pada ketika itu, ramai buruh estet getah dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei beralih ke aktiviti pertanian sara diri sepenuh masa untuk menampung keperluan keluarga. Oleh itu, bagi mengisi kekosongan kerja di estet getah yang masih beroperasi, pihak Jepun telah membawa masuk buruh paksa Jawa ke kawasan pantai barat untuk bekerja. Pihak Jepun telah menghantar buruh Jawa ini ke ladang getah yang masih beroperasi di sekitar Putatan, Papar, Membakut, Beaufort, Jesselton, Tuaran, Kota Belud dan Telipok. Sepanjang pendudukan Jepun, mereka inilah yang berperanan mengambil alih kerja ladang yang ditinggalkan oleh masyarakat Melayu Brunei. Biarpun mereka ini bekerja di ladang getah, tetapi penempatan mereka didapati berselerak dan tidak berpusat seperti mana penempatan masyarakat Melayu Brunei. Oleh itu, selepas pendudukan Jepun tamat, tenaga buruh mereka masih diperlukan oleh pihak British kerana pembayaran gaji yang murah iaitu 33 sen sehari atau \$10.80 sebulan (Pengiran Yassin, 2010; Khazin, 1998:135).

Sebuah firma getah di Jesselton pada tahun 1943 telah ditubuhkan oleh Jepun untuk mengawal pengeluaran getah. Firma ini berperanan mengumpul hasil getah terbaik untuk dijual kepada pembeli yang sanggup membayarnya dengan harga yang tinggi. Walau bagaimanapun, memandangkan pekerja firma ini terdiri daripada penduduk tempatan, maka mereka telah mengambil kesempatan untuk menjualnya kembali kepada pihak Jepun (Evans, 1990:145).

Selepas pendudukan Jepun tamat, kerajaan Kolonial British di Borneo Utara kembali giat menghidupkan operasi estet getah. Jabatan Pertanian ditubuhkan untuk mengaktifkan semula estet dan kebun kecil getah di Borneo Utara. Sebahagian daripada masyarakat Melayu Brunei juga telah kembali

semula bekerja di estet getah. Namun begitu, penglibatan mereka tidak dapat menyaingi buruh Jawa yang semakin ramai (Tajuddin, 2010). Pada tahun 1954, purata pengeluaran getah ialah sebanyak 400lb bagi setiap ekar tanah, manakala bagi tahun 1957 pula sebanyak 15 000 tan getah telah dieksport ke luar negara (Khazin, 1998:135).

Menjelang tahun 1960-an, bilangan estet getah yang dibuka semakin bertambah tetapi kebanyakannya dimiliki oleh syarikat-syarikat asing seperti Harrison and Crossfield, Guthrie, Sime Darby dan Borneo Company North Trading Company (Khazin, 1998:135). Umumnya, penglibatan masyarakat Melayu Brunei dalam bidang ekonomi semasa zaman pemerintahan British tidaklah begitu ketara dan jelas memandangkan mereka lebih gemar hidup secara berkelompok bersama-sama dengan kaum mereka sendiri berbanding hidup dengan kaum lain. Oleh itu, pendedahan mereka terhadap ekonomi kolonial agak perlahan berbanding dengan kaum lain. Pada tahun 1961 sehingga tahun 1963, keluasan estet getah telah bertambah sehingga mencapai keluasan 188,000 ekar. 45 peratus daripada estet tersebut telah digunakan untuk menanam pokok getah yang berkualiti sehingga pengeksporthannya mencapai nilai \$32.1 juta (*British North Borneo Government Gazette*, 1962). Menjelang Borneo Utara mencapai kemerdekaan, kebanyakan masyarakat Melayu Brunei mula berasa selesa untuk bekerja dalam sektor perkhidmatan kerajaan berbanding dengan bekerja sebagai buruh, petani dan nelayan. Pada ketika itu, telah wujud kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei untuk meningkatkan tahap hidup mereka daripada bergantung kepada aktiviti ekonomi berasaskan pertanian dan perikanan. Penglibatan sebilangan daripada masyarakat Melayu Brunei dalam arena politik sebelum dan selepas merdeka secara tidak langsung telah mengukuhkan lagi kerjasama dan perhubungan sosioekonomi antara masyarakat Melayu Brunei dengan kaum lain yang terdapat di Borneo Utara.

PERKEMBANGAN SEKTOR PERIKANAN

Aktiviti perikanan pantai barat Borneo Utara dijalankan oleh masyarakat peribumi yang tinggal di pesisir pantai dan sungai sejak zaman Kesultanan Brunei lagi. Aktiviti ini dikenali sebagai *bekarang*. Bagi masyarakat melayu Brunei, aktiviti ini hanya untuk keperluan harian dan diniagakan secara

barter. Contohnya, berdasarkan kajian oleh Shulze dan Suraini (1996), kebanyakan masyarakat Melayu Brunei yang menetap di Kampung Weston menjalankan aktiviti perikanan sebagai sumber utama ekonomi mereka. Hampir 90 peratus daripada penduduk di Kampung Weston melibatkan diri dalam aktiviti penangkapan ikan yang diwarisi secara turun-temurun daripada keluarga mereka. Walaupun zaman pentadbiran berubah sehingga tahun 1963, kaedah penangkapan ikan masih sama. Situasi ini sama dengan kebanyakan masyarakat Melayu Brunei yang tinggal di kawasan Bongawan, Membakut, Papar, Kimanis dan Putatan. Teluk Kimanis dan Teluk Brunei merupakan kawasan perairan utama mereka dan penyumbang bekalan hasil laut bagi pantai barat (*BNBH*, July 1, 1883; *BNBH*, October 1, 1886).

Namun, aktiviti perikanan ini juga semakin berkurangan akibat peralihan tumpuan masyarakat Melayu Brunei terhadap sektor pertanian. Semasa pentadbiran BNBC, sektor perikanan dianggap sebagai aktiviti sampingan yang berperanan membekalkan sumber protein di kawasan pantai barat berbanding dengan pantai timur. Keadaan ini secara tidak langsung telah menyebabkan pihak BNBC membiarkan sektor ini berkembang dengan sendirinya tanpa membuka lebih banyak peluang kepada para pelabur luar. Umumnya, golongan nelayan terbahagi kepada dua komposisi iaitu nelayan peribumi yang terdiri daripada masyarakat Melayu Brunei, Bajau, Suluk, Tidong dan Cina. Kedua, nelayan yang terdiri daripada golongan imigran dari selatan China (*BNBH*, October 1, 1886).

Semasa pendudukan Jepun, aktiviti menangkap ikan amat jarang dilakukan atas faktor keselamatan. Para nelayan merasa takut jika bertembung dengan kapal peronda tentera laut Jepun dan hasil tangkapan mereka akan dirampas. Mereka yang berjaya mendapatkan hasil pula terpaksa secara senyap membahagikan hasil tangkapan dalam kalangan keluarga yang dipercayai. Apabila pendudukan Jepun tamat, pihak Kolonial British lebih menumpukan usaha pemulihan ekonomi daratan berbanding laut di kawasan pantai barat. Pewujudan tamu sedikit sebnayak menyumbang kepada medium para nelayan untuk menjual hasil laut khususnya belacan dan ikan kering. Satu-satunya produk berasaskan laut yang sinonim dengan masyarakat Melayu Brunei di pantai barat Borneo Utara ialah belacan yang dibuat di Bongawan dan Papar, malah hingga hari ini.

KESIMPULAN

Pentadbiran BNBC, Jepun dan Kolonial British di Borneo Utara telah berjaya mengubah corak ekonomi tradisional masyarakat Melayu Brunei kepada ekonomi kapitalis. Perubahan ini telah menyaksikan masyarakat Melayu Brunei mula terlibat dalam menjalankan aktiviti ekonomi berorientasikan Barat melalui penglibatan mereka dalam sektor pertanian serta perladangan komersial, sama ada sebagai buruh estet atau pekebun kecil. Walau bagaimanapun, mereka masih lagi mengekalkan ekonomi sara diri yang bersifat tradisional bagi keperluan harian. Perubahan yang berlaku secara perlahan ini telah menyebabkan pengaruh ekonomi masyarakat Melayu Brunei khususnya dalam sektor perniagaan terkebelakang berbanding dengan kaum lain khususnya Cina. Apa yang jelas, penglibatan masyarakat Melayu Brunei dalam perkhidmatan awam semakin menonjol hasil dari sistem pendidikan yang dapat diakses oleh golongan bukan bangsawan. Secara tidak langsung telah menaikkan taraf hidup mereka.

RUJUKAN

- Ampuan Mumin bin Ampuan Tuah. 24 April 2010.
- Awang Asbol bin Hj Mail. (2002). *Kesultanan Brunei abad kesembilan belas: Sistem politik dan struktur pentadbiran*. Tesis PhD (tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Awang Sahari Abdul Latif. (2006). *Mana bendera saya?.* Kota Kinabalu: Percetakan Kolombong Ria Sdn. Bhd.
- British North Borneo Annual Report Department of Agriculture*, 1936.
- British North Borneo Annual Report*, 1914.
- British North Borneo Government Gazette*, 1962.
- British North Borneo Government Gazzette*, 1951.
- British North Borneo Herald*, 1883
- British North Borneo Herald*, 1886.
- British North Borneo Herald*, 1905.
- British North Borneo Herald*, 1922.
- British North Borneo Herald*, 1932.
- British North Borneo Herald*, 1933 .
- British North Borneo News*, 1952.
- Brown, D.E. (1970). Brunei: The structure and history of a Bornean Malay Sultanate. *Monograph of the Brunei Museum Journal*.

- Dg. Junaidah Awang Jambol & Baszley Bee Basrah Bee. (2021). Perjanjian penyerahan wilayah utara Borneo 1865, 1877 dan 1878: Tinjauan awal terhadap perbandingan intipati perjanjian. *MANU*, 32 (1),125-152.
- Dg. Junaidah Awang Jambol & Baszley Bee Basrah Bee. (2021). Perubahan tradisi penempatan masyarakat Melayu Brunei di kawasan pantai barat Borneo Utara: Impak terhadap sosioekonomi (1881-1941). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6 (11), 38-50.
- Evans, Stephen R. (1990). *Sabah (North Borneo) under the rising sun government*. Singapore: PCL Printers Pte.Ltd.
- K. Bali. (1992). *Diari K. Bali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khazin Mohd Tamrin. (1988). Orang Jawa di Borneo Utara: Satu nota awal. *JEBAT*, 16.
- King, V.T. (1993). *The peoples of Borneo*. United Kingdom: Blackwell Publisher.
- Mazlan Abdullah. (1978). *Sejarah Malaysia Timur*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributors.
- Ministry of Agriculture & Fisheries Sabah Agricultures Innovation in Sabah. (1978/1979). *Bulletin of the Society of Agricultural Scientist Sabah*, II (1).
- Mohd. Azman bin O.K.K Haji Awang Ali. 5 November 2011.
- Mohd. Saffie Abdul Rahim. (2007). *Jepun di Borneo Utara migrasi dan kegiatan ekonomi 1884-1941*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Norbaizah binti Abu Bakar. (2005). *Sejarah perkembangan sosio-ekonomi masyarakat Melayu Brunei. Kajian kes: Pekan Bongawan*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda (tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Norhin Garam @Noraiha Abdullah. (1990). *Sejarah perkembangan pertanian perladangan zaman Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU) di Sabah (1861-1941)*. Tesis Sarjana Muda (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Norlihan binti Mohd. Azman. (2011). *Masyarakat Melayu Brunei di Kota Marudu Sabah*. Kota Kinabalu: Persatuan Melayu Brunei Sabah (PMBS).
- O.K.K Haji Pengiran Yassin bin Pengiran Alli. 5 April 2010.
- Osman bin Tahir. (1997). *Suku kaum Brunei Sabah; Tumpuan khusus di Daerah Membakut, Daerah Papar, Bongawan (1860-an Sehingga 1990-an)*. Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah (tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Pengiran Ahmad Fauzi bin Pengiran Abdul Rahim. 5 April 2011.
- Richard, G. (1968). The beginnings of commercial development in the Baram and Marudi following the cession of 1882. *Sarawak Gazette, Vol. XCIV. Rubber Restriction Minutes of Central Control Committee Meeting Held At Jesselton*, 4 Mac 1941.
- Rutter, O. (1986). *The pirate wind tales of the sea-robbers of Malaya*. Singapore: Oxford University Press.
- Sabah Times*, 22 Mei 1952.

- Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah & Sabullah Hakip. (2001). *Sejarah Brunei menjelang kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabihah Osman. (1985). *Pentadbiran pribumi Sabah 1881-1941*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saunders, G. (1994). *A history of Brunei*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Schulze, H., & Suraini Suratman. (1999). *Villagers in transition case studies from Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Shuhaibun Yussuf. (2005). *Bantuan di Pengalat Kecil*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidhu, J.S. (1995). *Sejarah sosioekonomi Brunei 1906-1959*. Selangor: Sasyaz Holdings Sdn. Bhd.
- Singh, D.S.R. (2003). *The making of Sabah 1865-1941 the dynamics of indigenous society*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Aidah Hj. Lokin. (2007). *Perubahan sosioekonomi dan pentadbiran masyarakat peribumi Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- St. John, S. (1974). *Life in the forests of the far east*. Vol. I. Singapore: Oxford University Press.
- Sullivan, A., & Leong, C. (1981). *Commemorative history of Sabah 1881-1981*. Sabah State Government.
- Taib bin Haji Aliumar. 5 April 2010.
- Tajuddin bin Haji Matussin. 5 April 2010.
- Tarling, N. (1971). *Britain, The Brookes & Brunei*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tregonning, K.G. (2007). *Malaysian heritage under Chartered Company Rule North Borneo (1881-1946)*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Whelan, F. G. (1968). *A history of Sabah*. Singapore: Heinemann Educational Books.
- Wong, D.T.K. (2004). *Historical Sabah: Community and society*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo).
- Wong, D.T.K. (2010). *The war*. Kota Kinabalu: Opus Publications.
- Zainal Abidin Abdul Wahid et al. (1996). *MALAYSIA warisan dan perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.